

BAB TIGA
PELAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT PENDAPATAN DI LEMBAGA-LEMBAGA
ZAKAT PROVINSI ACEH

3.1. Pengenalan Tentang Provinsi Aceh

Aceh adalah sebuah provinsi di Indonesia yang terletak di penghujung pulau Sumatra dengan kawasan seluas 57,365.57 km per segi atau merangkumi 12.26% pulau Sumatera. Aceh dikelilingi oleh selat Melaka di sebelah utara, provinsi Sumatera Utara di timur dan lautan Hindi di sebelah selatan dan barat. Ibu kota Aceh adalah Aceh yang dahulunya dikenali sebagai Kutaradja. Aceh terdiri dari 18 Kabupaten dan 5 Bandaraya. Penduduk Aceh merupakan keturunan dari berbagai suku bangsa dan kaum iaitu Aceh, Gayo, Aneuk Jamee, Singkil, Alas, Tamiang, Kluet, Devayan, Sigulai, Pakpak, Haloban, Lekon dan Nias. Majoriti penduduk di Aceh menganut agama Islam. Dari ke 13 suku asli yang ada di Aceh hanya suku Nias yang tidak semuanya memeluk agama Islam. Agama lain yang dianut oleh penduduk di Aceh adalah agama Kristen yang dianut oleh pendatang suku Batak dan sebahagian warga Tionghoa yang kebanyakan mereka bersuku Hakka, sedangkan sebahagian lainnya tetap menganut agama Konghucu.

3.1.1. Jumlah Penduduk Aceh

Menurut hasil banci penduduk tahun 2012 yang dijalankan oleh Badan Pusat Statistik (BPS) Aceh, jumlah penduduk Aceh adalah 4.486.570 orang, yang terdiri dari 2.243.578 lelaki dan 2.242.992 perempuan. Dari hasil BPS tahun 2012 tersebut dapat dikatakan bahawa penyebaran penduduk Aceh masih tertumpu di Kabupaten Aceh Utara

yaitu sebanyak 11,81 peratus, kemudian diikuti oleh Kabupaten Bireuen dan Pidie yang masing-masing sebesar 8,67 dan 8,43 persen, sedangkan Kabupaten lainnya di bawah 8 peratus. Bila dilihat sebaran penduduk berdasarkan wilayah pesisir timur, pesisir barat-selatan dan kawasan tengah maka wilayah pesisir timur Aceh yang merangkumi tiga Kabupaten iaitu Kabupaten Aceh Utara, Bireuen, dan Pidie menduduki peringkat teratas yang memiliki jumlah penduduk terbanyak yang masing-masing berjumlah 529.746 orang, 389.024 orang, dan 378.278 orang, sementara Kabupaten Aceh Selatan merupakan yang paling banyak penduduknya untuk wilayah pesisir barat-selatan iaitu sebanyak 202.003 orang. Untuk kawasan tengah pula, penduduk yang paling banyak adalah di Kabupaten Aceh Tenggara dengan jumlah penduduk 178.852 orang.

Dengan luas wilayah Aceh kira-kira 58.375,63 kilo meter persegi yang diduduki oleh 4.486.570 orang maka purata tingkat kepadatan penduduk Aceh adalah sebanyak 77 orang per kilo meter persegi. Daerah yang paling tinggi tingkat kepadatan penduduknya adalah Aceh utara iaitu sebanyak 3.654 orang per kilo meter persegi sementara yang paling rendah sekali adalah Kabupaten Gayo Lues iaitu sebanyak 14 orang per kilo meter persegi.

3.2. Lembaga-Lembaga Zakat Di Aceh

Secara umum pentadbiran zakat di Indonesia diatur di dalam undang-undang No. 23 tahun 2011 mengenai pengelolaan zakat, pada bab II yang terdiri dari beberapa bahagian dan Pasal (enakmen) telah menjelaskan mengenai Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS). Di antaranya menyebutkan bahawa pengelolaan zakat dilakukan oleh badan amil zakat yang dibentuk oleh pemerintah, pembentukan badan amil zakat pada peringkat

nasional oleh Presiden atas usul Menteri, maknaka pada peringkat Daerah/Provinsi oleh Gubernur atas usul kepala kantor wilayah departemen agama provinsi, sementara pada peringkat Kabupaten/Bandar oleh Bupati atau wali kota atas usul kepala kantor departemen agama Kabupaten atau kota, dan peringkat kecamatan oleh Camat atas usul kepala kantor urusan agama kecamatan. Terdapat pernyataan bahwa Badan Amil Zakat Nasional dikukuhkan, dibina dan dilindungi oleh pemerintah.

Di Indonesia, terdapat dua bentuk lembaga pengelola zakat, pertama adalah lembaga zakat yang di bentuk dan ditadbir sepenuhnya oleh pemerintah yang disebut dengan BAZNAS (Badan Amil Zakat Nasional) dan yang kedua ialah LAZ (Lembaga Amil Zakat). BAZNAS berada di ibu pejabat dan memiliki cawangan di seluruh daerah atau provinsi Indonesia. Badan amil zakat cawangan yang berada di daerah disebut BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah). Maka untuk provinsi Aceh Badan Amil Zakat Daerah dinamakan dengan Baitul Mal. Sementara Lembaga Amil Zakat (LAZ) adalah lembaga zakat yang ditubuhkan oleh badan bukan kerajaan ataupun ORMAS (Organisasi Masyarakat) dengan persyaratan tertentu yang ditetapkan oleh undang-undang. Diantara persyaratan tersebut adalah penubuhan LAZ mesti mendapat izin dari kementerian tertentu, terdaftar sebagai organisasi kemasyarakatan Islam yang mengelola bidang pendidikan, dakwah, dan sosial, berbentuk lembaga berbadan hukum, mendapatkan izin dari BAZNAS, memiliki pengawas syariat, memiliki kecekapan teknis, administratif, dan keuangan untuk melaksanakan kegiatannya, bersifat sosial dan bukan mencari keuntungan, memiliki program untuk mendayagunakan zakat bagi kesejahteraan umat, dan bersedia diaudit.¹ Di provinsi Aceh ada beberapa LAZ yang berada disana, seperti

¹ Persyaratan ini terdapat dalam Undang-Undang Republik Indonesia No. 23 tahun 2011 yang termuat dalam bab II bahagian keempat pada pasal (enakment) ke-18

Rumah Zakat Aceh, Pos Keadilan Peduli Umat (PKPU) Dompot Dhu'afa dan lembaga zakat Ustman bin A'ffan. Boleh dikatakan bahawa Baitul Mal di Aceh sebagai lembaga zakat rasmi kerajaan dan yang lainnya sebagai lembaga zakat swasta yang mendapatkan pengiktirafan dari pemerintah melalui Surat Kuasa Pemerintah (SKP). Kedua-dua bentuk lembaga zakat ini dibenarkan mengutip dan mengagihkan zakat. Namun adalah diharapkan kedua-dua lembaga zakat ini memiliki hubungan kerja yang lebih bersifat koordinatif, konsultatif dan informatif.

Dalam kajian ini akan di fokuskan kepada tiga lembaga zakat sahaja iaitu Baitul Mal Aceh, Rumah Zakat Aceh dan Pos Keadilan Peduli Umat (PKPU). Hal ini kerana ketiga lembaga zakat tersebut yang paling aktif saat ini di Aceh didalam pengutipan dan penyaluran zakat di Aceh. Dompot Dhu'afa tidak kami masukkan dalam kajian ini kerana lembaga ini lebih kepada program penyaluran zakat di Aceh sementara pengutipannya dari seluruh Indonesia, lembaga ini nampak sangat aktif setelah tsunami mengingat perlunya bantuan pada saat itu. Adapun lembaga zakat Usman ibnu Affan tidak kami masukkan dalam kajian ini kerana lembaga zakat tersebut terlalu kecil dalam jumlah pengutipan dan penyaluran yang kecil pula.

3.2.1. Baitul Mal Aceh

Baitul Mal merupakan lembaga daerah non struktural yang berada pada peringkat Provinsi dan memiliki cawangan di setiap Kabupaten/Bandar,² Mukim³ dan bahkan

² Kabupaten/Bandar adalah bahagian dari daerah provinsi sebagai suatu kesatuan masyarakat hukum yang diberi kewenangan khusus untuk mengatur dan mengurus sendiri urusan pemerintahan dan kepentingan masyarakat setempat sesuai dengan peraturan perundang-undangan dalam sistem dan prinsip Negara

Gampong⁴ diseluruh Provinsi Aceh. Penumbuhan Baitul Mal pertama setelah dikeluarkan Surat Keputusan (SK) Gabenor Prov. NAD No. 18 Tahun 2003, tarikh 16 Julai 2003 yang merangkumi Baitul Mal Aceh, Baitul Mal Kabupaten/Bandar, Baitul Mal Gampong dan mulai aktif kerja pada 13 Januari 2004 yang diperkukuhkan lagi dengan Kanun Prov. NAD No. 7/2004 mengenai pentadbiran zakat.⁵ Baitul Mal ini merupakan satu-satunya lembaga zakat rasmi pemerintahan provinsi Aceh.⁶

Penumbuhan lembaga ini memiliki sejarah yang panjang, dimulai sejak tahun 1973 yang dinamakan dengan Badan Penertiban Harta Agama (BPHA) berdasarkan Surat Keputusan (SK) Gabenor Kepala Daerah Istimewa Aceh No. 05 Tahun 1973, tarikh 4 April 1973. Dua tahun kemudian, BPHA berubah nama menjadi BHA (Badan Harta Agama) berdasarkan SK Gabenor No. 407 tahun 1976. Pada tarikh 10 Februari 1993 BHA diganti menjadi BAZIS (Badan Amil Zakat Infaq dan Shadaqah), melalui surat keputusan Gabenor kepala daerah istimewa Aceh No. 02 tahun 1993. Akhirnya pada tahun 2004 BAZIS berubah menjadi Baitul Mal sehubungan dengan Undang-undang No. 18/2001 Mengenai Otonomi Khusus (Otsus) bahagi provinsi Aceh.⁷

Pembentukan Baitul Mal merupakan perwujudan dari UU No. 44/1999 mengenai penyelenggaraan keistimewaan Aceh di bidang agama berdasarkan peraturan daerah

Kesatuan Republik Indonesia berdasarkan Undang-undang Dasar Negara Republik Indonesia Tahun 1945, yang dipimpin oleh seorang Bupati/Walikota.

³ Mukim adalah kesatuan masyarakat hukum di bawah kecamatan yang terdiri atas gabungan beberapa gampong yang mempunyai batas wilayah tertentu yang dipimpin oleh Imeum Mukim atau nama lain dan berkedudukan langsung di bawah Camat.

⁴ Gampong atau nama lain adalah kesatuan masyarakat hukum yang berada di bawah Mukim dan dipimpin oleh Keuchik.

⁵ Armiadi, *Zakat Produktif: Solusi Alternatif Pemberdayaan Ekonomi Umat*, (Aceh: Ar-Raniry Press, 2008), 185.

⁶ Dalam Pasal 191 (1) Undang-undang No. 11/2006 disebutkan bahawa Badan Baitul Mal adalah lembaga rasmi yang mengelola zakat di Aceh.

⁷ Armiadi, *Zakat Produktif*, 185-186.

(PERDA) No. 5/2000 mengenai penyelenggaraan syariat Islam. Baitul Mal merupakan salah satu dari 13 aspek pelaksanaan syariat Islam secara *kaffah* (menyeluruh) di Aceh. Selanjutnya undang-undang No. 18/2001 mengenai Otonomi khusus NAD telah menetapkan keberadaan zakat sebagai salah satu sumber Pendapatan Asli Daerah (PAD) Aceh dan PAD Kabupaten/Bandar yang secara operasional dijelaskan dalam Kanun Prov. NAD No. 7/2004 mengenai pengurusan zakat.

Pasca tsunami (2004) dan *Memorandum of Understanding* (MoU) Helsinki (2005), Aceh mengalami masa transisi hukum, di mana undang-undang No. 18/2001 dibatalkan dan diganti dengan undang-undang No. 11/2006 mengenai Pemerintahan Aceh (PA).⁸ Undang-undang Pemerintahan Aceh (UUPA) menetapkan kembali status zakat sebagai PAD dan mempertegas keberadaan Baitul Mal sebagai lembaga pengelola zakat, harta waqaf dan harta agama. Satu hal yang sangat monumental dalam undang-undang pemerintahan Aceh (UUPA) tersebut adalah menetapkan zakat sebagai pengurang cukai pendapatan. Ketentuan ini telah berlaku secara nasional melalui undang –undang RI no. 23 tahun 2011 namun belum dapat diimplementasikan dengan baik. Dengan disahkannya UUPA, penetapan kanun Aceh mengenai Baitul Mal mutlak diperlukan. sidang paripurna dewan perwakilan rakyat (DPRA) tarikh 28 Desember 2007 telah menetapkan kanun Baitul Mal sebagai usul inisiatif DPRA menjadi kanun Aceh No. 10/2007 dan disahkan oleh Gabenor Aceh pada tanggal 17 Januari 2008/8 Muharram 1428. Ruang lingkup kerja Baitul Mal juga telah diperluas menjadi wali pengawas dan menjadi pengelola terhadap tanah, harta dan simpanan nasabah bank yang tidak ada pemilik/ahli warisnya lagi akibat

⁸ MoU Helsinki adalah Nota Kesefahaman Damai antara Pemerintah Republik Indonesia (RI) dengan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) yang ditandatangani di Ibu Pejabat Finlandia Helsinki pada 15 Agos 2005. Sedangkan Undang-undang No.11/2006 (Tentang Pemerintahan Aceh) merupakan aturan yang mesti dihasilkan berlandaskan MoU tersebut.

tsunami. Ketentuan ini diatur melalui undang-undang No. 48/2007 mengenai Penetapan Peraturan Pemerintah (PERPU) No. 2/2007 dan juga mengenai penyelesaian permasalahan hukum fasa pemulihan pasca gempa dan tsunami di Aceh. Undang-undang ini telah memberi kuasa kepada Baitul Mal untuk menjadi wali-wali, pengawas dan pengelola harta tanpa ahli waris, setelah mendapat penetapan Mahkamah Syar'iyah.

Baitul Mal Aceh merupakan salah satu lembaga zakat yang berada di bawah pemerintahan Aceh yang dikuatkuasakan dan mulai aktif bekerja pada 13 Januari 2004. Adapun kuasa dan tanggung jawab Baitul Mal Aceh adalah mengutip, mengelola dan mengagihkan zakat diseluruh Aceh. Pengutipan zakat meliputi zakat mal yang merangkumi Badan Usaha Milik Negara (BUMN), Badan Usaha Milik Daerah (BUMD), dan syarikat swasta besar, setiap pejabat, PNS (Pegawai Negeri Sipil), TNI-POLRI (Tentara Negara Indonesia-Polisi Republik Indonesia), Pegawai pemerintah pusat yang ada di provinsi, Pimpinan dan anggota DPRA dan lain sebagainya. Selanjutnya, ianya bertanggung jawab membentuk Baitul Mal cawangan di setiap Kabupate/Bandar dan meminta laporan dari setiap cawangan.⁹

3.2.2. Rumah Zakat Aceh

Rumah Zakat Aceh adalah sebuah lembaga zakat swasta yang bergerak di dalam pengutipan dan pengagihan zakat, infaq dan shadaqah. Lembaga ini lebih menitikberatkan pada program pendidikan, kesihatan, pembinaan masyarakat dan kemajuan ekonomi dalam pengagihannya. Sejarah kewujudan lembaga ini dimulai pada

⁹ Kanun Aceh, Nomor 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal, Bahagian kedua, Kewenangan dan kewajiban Baitul Mal.

Mei 1998 di Bandung, Lembaga zakat ini pada peringkat awal dinamakan dengan Dompot Sosial Ummul Qura (DSUQ). Lembaga ini mendapatkan pengukuhan pemerintah dengan dikeluarkannya Surat Keputusan (SK) Menteri Agama Republik Indonesia (RI) No. 157 pada bulan Mach 2003. Perkembangan cawangan pun tumbuh secara cepat. Hingga awal 2006, Rumah Zakat Aceh yang dipelopori oleh ustadz Abu Syauqi dan timnya, telah memiliki kantor pusat di Bandung dan 28 titik kantor pelayanan di 12 propinsi utama di Indonesia. Dan termasuk salah satu cawangannya berada di propinsi Provinsi Aceh.

Pada perencanaan awal, Rumah Zakat Aceh akan membuka cawangannya di Aceh pada tahun 2007. Namun, akibat daripada musibah tsunami yang melanda Aceh pada 26 Desember 2004, pembukaan tersebut dipercepat dari jadual yang direncanakan. Oleh itu, pada awal bulan April 2005 maka secara rasminya Rumah Zakat Aceh cawangan Provinsi Aceh dibuka dengan memilih tempat di Aceh. Hal ini mengingat Aceh sebagai ibu pejabat provinsi Aceh dan pusat perekonomian Aceh, di samping itu juga kerana dia merupakan daerah yang sangat parah dilanda tsunami yang memerlukan perhatian dan pemulihan segera.¹⁰

Keberadaan Rumah Zakat Aceh di Aceh lebih banyak bergerak pada penyaluran zakat berbanding pengutipan. Pengutipan zakat dilakukan secara nasional seluruh Indonesia dan diagihkan ke tempat-tempat yang dikira lebih memerlukan. Namun

¹⁰ Riadhi, (Maneger Rumah Zakat Aceh cawangan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2013

demikian pengutipan zakat di Aceh semakin meningkat dari tahun ke tahun terutamanya dari syarikat-syarikat besar dan juga dari individu.¹¹

3.2.3 Pos Keadilan Peduli Umat (PKPU)

Tidak jauh berbeza dengan Rumah Zakat Aceh, Pos Keadilan Peduli Umat (PKPU) juga lembaga zakat swasta yang bergerak di dalam pengutipan dan pengagihan harta agama yang merangkumi zakat, infaq dan shadaqah. Sebagai jawapan terhadap kegawatan ekonomi yang melanda Indonesia pada tahun 1997, sebuah lembaga sosial Pos Keadilan Peduli Umat (PKPU) diasaskan pada 10 Disember 1999. Pada tarikh 12 September 2000, PKPU telah dipersetujui oleh Departemen Sosial Indonesia sebagai organisasi amal melalui surat keputusan (SK) No. 2000.40405.916.

Dalam perkembangannya, PKPU menyedari bahawa potensi dana umat yang bersumber daripada Zakat, Infaq dan Shadaqah sangat besar. Sebagai negara berpenduduk muslim terbesar di dunia, Indonesia boleh menggunakan dana tersebut sepenuhnya untuk kesejahteraan golongan miskin. Oleh itu PKPU tidak lagi dilihat hanya sebagai lembaga sosial. Pada 8 Oktober 2001, PKPU mendapat pengukuhan sebagai lembaga zakat nasional sesuai dengan SK. Menteri Agama RI No. 441.¹² Pada saat ini, PKPU yang pejabat utamanya di Jakarta telah memiliki 14 Cawanagan, iaitu: Provinsi Aceh, Sumatera Utara, Sumatera Barat, Bengkulu, Jawa Barat, Jawa Tengah, Yogyakarta,

¹¹ *Ibid.*

¹² Pos Keadilan Peduli Umat, <http://www.pkpu.or.id/profile.php>, 17 April 2009.

Jawa Timur, Sulawesi Utara, Sulawesi Tengah, Sulawesi Selatan, Sulawesi Tenggara, Maluku. Maluku Utara.¹³

3.3. Kedudukan Lembaga-Lembaga Zakat dalam Undang-Undang.

Seperti yang telah dibicarakan sebelum daripada ini, bukan hanya satu lembaga yang mengelola zakat di Aceh bahkan terdapat lebih dari satu lembaga yang sama-sama aktif di dalam pengutipan dan pengagihan zakat. Namun secara garis besarnya dapat kita bahagikan menjadi dua iaitu lembaga zakat rasmi pemerintah dan lembaga zakat swasta. Menarik untuk dibicarakan di sini adalah bagaimanakah kedudukan lembaga-lembaga zakat tersebut di dalam perundangan zakat. Apakah undang-undang membenarkan keberadaan multi-lembaga itu di satu tempat dengan memberikan kebebasan di dalam pengutipan dan pengagihannya, atautah terdapat peraturan-peraturan tertentu yang mesti dipatuhi oleh setiap lembaga. Juga apakah undang-undang ini memberikan batasan dan ruang lingkup kerja kepada setiap lembaga supaya tidak terjadi tumpang tindih di dalam pengutipan dan pengagihan zakat. Kemudian adakah suatu bentuk koordinasi dan kolerasi di antara lembaga-lembaga ini termuat dalam undang-undang.

Untuk menjawab pertanyaan di atas, perbincangan akan melibatkan dua perundangan zakat, iaitu undang-undang Republik Indonesia (RI) No. 23 tahun 2011, dan kanun No. 10 tahun 2007 mengenai Baitul Mal. Tidak terdapat penegasan yang mendasar di dalam undang-undang Republik Indonesia No.23 tahun 2011 mengenai perkara ini, apa yang ada hanya menjelaskan bahawa lembaga zakat dibentuk oleh

¹³ Rohandi (Maneger Pos Keadilan Peduli Umat, cawangan Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2013.

pemerintah dan siapa yang memberikan cadangan untuk membentuk suatu lembaga zakat di setiap peringkat nasional, provinsi, kabupaten dan kecamatan. Dalam bab II terdapat penjelasan mengenai pengukuhan lembaga pengelolaan zakat, pembinaan dan perlindungan pemerintah, ruang lingkup kerja, dan perihal pertanggung jawaban ataupun suatu laporan yang harus disampaikan oleh lembaga amil zakat kepada badan amil zakat pemerintah. Di samping itu juga menjelaskan kaitan wujudnya dua bentuk lembaga zakat di Indonesia, yakni lembaga zakat milik pemerintah dan lembaga zakat swasta. Hal ini kerana Undang-undang memberikan ruang kepada lembaga zakat swasta dengan persyaratan tertentu dan melalui pengukuhan dari pemerintah. Di antaranya adalah pernyataan bahawa LAZ wajib melaporkan pelaksanaan pengumpulan, pendistribusian, dan pendayagunaan zakat yang telah diaudit kepada BAZNAS secara berkala.¹⁴ Hal ini bermakna adanya suatu tuntutan supaya terjalin hubungan kerja yang bersifat koordinatif, konsultatif dan informatif dikalangan lembaga zakat swasta dan lembaga zakat pemerintah.¹⁵

Sementara di Provinsi Aceh terdapat kanun lain yang juga menjelaskan perihal lembaga zakat. Namun perhatian kanun ini lebih menjelaskan perihal Baitul Mal selaku lembaga zakat rasmi pemerintahan dan tidak memberi perhatian langsung kepada keberadaan lembaga-lembaga zakat swasta lain dan kaitannya dengan Baitul Mal. Suatu yang menarik untuk kita bincangkan berkenaan kedudukan lembaga-lembaga zakat ini terdapat dalam kanun No. 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal. Dalam kanun ini memberikan ketegasan terhadap lembaga-lembaga zakat lain atau swasta dalam

¹⁴ Undang-undang No. 23 tahun 2011, Bab II bahagian keempat pasal (enakmen) ke-19

¹⁵ Maksud daripada hubungan kerja yang bersifat koordinatif, konsultatif dan informatif adalah bahawa diharapkan kepada lembaga-lembaga adanya penyaluran aktifiti pengutipan dan penyaluran serta program-program kerja yang dijalankan begitu juga adanya saling memberikan maklumat di antara mereka.

menjalankan kegiatannya di Provinsi Aceh. Penegasan ini terdapat dalam bab ketigabelas mengenai ketentuan peralihan. Adanya ketentuan peralihan ini kerana kanun ini merupakan Kanun terbaru yang mengatur lembaga pengelolaan zakat, oleh itu, terdapat perubahsuaian terhadap perundang-undangan sebelumnya. Perubahan tersebut tentunya tidak di dilakukan secara langsung setelah adanya peraturan baru melainkan sedikit masa peralihan. Terdapat tiga pernyataan di dalamnya. Iaitu: *pertama*; menegaskan bahawa lembaga zakat selain Baitul Mal atau mana-mana lembaga amil zakat yang telah ada pada saat Kanun ini disahkan dapat menjalankan kegiatannya setelah mendaftarkan diri kepada Baitul Mal. *Kedua*; menegaskan bahawa setiap lembaga zakat lain atau badan pengumpul zakat wajib melakukan koordinasi dan melaporkan setiap kegiatannya kepada Baitul Mal. *Ketiga*; menegaskan bahawa setiap lembaga zakat lain akan dihentikan kegiatannya paling lama lima tahun.¹⁶

Secara tidak langsung kanun ini telah menegaskan status Baitul Mal sebagai lembaga zakat rasmi. Oleh itu, lembaga zakat lain mesti mendapatkan kebenaran atau wajib mendaftarkan diri pada Baitul Mal sebelum menjalankan kegiatannya. Dalam melaksanakan kegiatannya lembaga amil zakat atau badan pengumpul zakat lainnya wajib melakukan koordinasi dan melaporkan setiap kegiatannya kepada Baitul Mal Aceh. Terdapat juga beberapa penegasan lainnya yang menyatakan bahawa semua lembaga yang mengurus zakat, wakaf, dan harta agama yang tidak memenuhi ketentuan Baitul Mal dilarang melakukan kegiatan dan semua aset dialihkan menjadi aset Baitul Mal.¹⁷

¹⁶ Kanun Aceh, No. 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal, Bab XIII, ketentuan peralihan, Pasal 56.

¹⁷ *Ibid.* Pasal 59

Mengikuti perundang-undangan ini nampak bagaimana undang-undang mengatur kedudukan lembaga zakat swasta dan hubungannya dengan Baitul Mal selaku lembaga zakat resmi pemerintah. Namun perlu disampaikan bahawa lahirnya lembaga-lembaga zakat swasta di Aceh sebenarnya sebelum kanun No. 10 tahun 2007 ini dikuat kuasakan. Pendiannya di seluruh Indonesia termasuk di Aceh adalah dengan merujuk perundang-undangan Indonesia No. 38 tahun 1999 tentang pengelolaan zakat dan sekarang undang-undang tersebut telah dikemaskini dengan ditetapkan undang-undang No. 23 tahun 2011. Perkara ini termuat dalam bab ke-tiga mengenai organisasi pengelolaan zakat yang menyatakan bahawa setiap badan pengelolaan zakat dibentuk oleh pemerintah. Hal ini bererti mana-mana lembaga zakat yang telah mendapatkan surat keputusan dari pemerintah boleh menjalankan kegiatannya. Persyataan ini telah memberikan ruang bahagi lembaga-lembaga zakat swasta untuk mendapatkan surat keputusan tersebut dan ada kebenaran bahagi membuka cawangannya diprovinsi manapun di Indonesia.

Dari kedua perundang-undangan ini ada beberapa poin penting yang dapat kita simpulkan. *Yang pertama:* mempertegas bahawa Baitul Mal adalah satu-satunya lembaga zakat resmi pemerintahan. *Kedua:* Di Aceh wujud dua undang-undang pentadbiran zakat, yang satu seolah-olah membenarkan multi-lembaga zakat sementara yang lain mengharapkan hanya Baitul Mal satu-satunya lembaga zakat di Aceh. Dan yang *ketiga:* peraturan yang menuntut adanya pertanggung jawapan dan laporan lembaga zakat swasta kepada Baitul Mal dan wujudnya hubungan kerja yang bersifat koordinatif, konsultatif dan informatif di antara lembaga-lembaga zakat tersebut. Tentunya keadaan seperti ini akan menjadi sebuah isu di dalam pengelolaan zakat. Dan hal ini akan dibincangkan lebih mendalam pada bahagian isu-isu pengutipan zakat pendapatan pada bab empat.

3.4. Zakat Pendapatan Di Dalam Undang-Undang dan Fatwa.

Disini kita akan melihat keberadaan zakat pendapatan di dalam undang-undang dan fatwa. Yang akan dibincangkan adalah mengenai wujud tidaknya pengiktirafan undang-undang dan fatwa terhadap zakat pendapatan, fatwa yang kita maksudkan disini adalah fatwa majlis ulama tempatan. Dan selanjutnya cakupan berkaitan konsep zakat tersebut yang merangkumi persyaratan haul, nisab dan kadarnya.

3.4.1. Zakat Pendapatan Di Dalam Perundangan Indonesia dan Kanun Aceh

Mengikut undang-undang Republik Indonesia No. 23 tahun 2011. Harta-harta yang dikenakan zakat tersenarai dalam tujuh kategori, iaitu:

1. Emas, perak dan Wang.
2. Perdagangan dan perusahaan (Perniagaan dan syarikat).
3. Hasil pertanian, hasil perkebunan (perladangan) dan hasil perikanan.
4. Hasil pertambangan (perlombongan).
5. Hasil perternakan.
6. Hasil pendapatan dan jasa. dan
7. Rikaz.¹⁸

Pada kategori ke-enam disebutkan hasil pendapatan dan jasa. Jasa bermaksud hasil daripada suatu perkhidmatan. Ini bermakna undang-undang ini telah mengiktiraf kewujudan zakat pendapatan. namun perundang-undangan ini tidak memperinci perihal konsep zakat pendapatan yang mesti diterapkan, seperti nisab, syarat haul dan kadarnya.

¹⁸ Undang-undang RI No.23 tahun 2011, Bab I Ketentuan Umum, pasal 4.

Selain undang-undang zakat di atas, secara khusus pentadbiran zakat di Aceh terdapat kanun Aceh No. 10 tahun 2007 mengenai Baitul Mal. Kanun ini juga telah menetapkan kewajiban zakat pendapatan.¹⁹ Lebih lanjut Kanun ini menetapkan nisab dan kadar daripada zakat pendapatan beserta dengan *'uqubat* sekali bahagi mereka yang ingkar zakat. Adapun nisab yang ditetapkan adalah sebanyak 94 gram emas dengan kadar 2.5%. Jadi, pelaksanaan zakat pendapatan telah mendapat kebenaran undang-undang, samaada di Indonesia secara umum ataupun di Aceh secara khusus.

3.4.2. Fatwa Zakat Pendapatan

Fatwa juga telah menetapkan kewajiban zakat pendapatan. Di Provinsi Provinsi Aceh yang berwenang di dalam mengeluarkan fatwa adalah Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU). MPU adalah sebuah lembaga yang bersifat independen yang anggotanya terdiri atas ulama dan para cendikiawan Muslim yang pandai dalam perkara agama Islam. MPU berfungsi menetapkan fatwa yang dapat menjadi salah satu pertimbangan terhadap kebijakan pemerintah daerah dalam bidang pemerintahan, pembangunan, pembinaan masyarakat dan ekonomi. Oleh itu, hukum, ketentuan kadar, nisab dan persyaratan haul keatas zakat pendapatan yang tertuang di dalam undang-undang ditetapkan setelah meminta pertimbangan ataupun fatwa dari MPU.

Fatwa Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) telah menetapkan bahawa setiap pendapatan yang telah mencapai nisab 94 gram emas maka wajib dikeluarkan zakatnya sebanyak 2.5%. Pergeseran menjadi 94 gram emas dari 85 gram seperti yang terdapat di

¹⁹ Kanun Aceh, No. 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal. Penetapan ini terdapat pada Bab IV, Zakat, Bahagian I, kewajiban zakat Pasal 18 ayat 2 yang secara jelas mensenaraikan pendapatan dan jasa sebagai sumber zakat yang wajib di bayar.

dalam perbahasan konsep sebenar nisab zakat pendapatan kerana pertimbangan bahawa nilai zakat yang beredar di Aceh tidak sama dengan nilai zakat pada masa Rasulullah SAW. Maka tidak tepat apabila 85 gram ditetapkan sebagai nisab. Dengan pertimbangan itu MPU lebih cenderung memilih 94 gram emas sebagai nisab zakat, tentunya setelah penelitian yang mendalam dengan melakukan perbandingan di antara kadar emas yang sebenar dengan kadar emas yang beredar di Aceh. Oleh itu, semua jenis zakat yang menkiaskan kadarnya pada emas maka nisabnya adalah 94 gram, termasuk di dalamnya zakat pendapatan.²⁰

3.5. Penerapan Konsep Zakat Pendapatan di Lembaga-lembaga Zakat Aceh.

Pada bab dua telah diperbincangkan secara terperinci bahawa zakat pendapatan tidak terdapat perbahasan di dalam kitab-kitab *turats*. Kewajipan keatas zakat pendapatan merupakan hasil ijtihad ulama semasa setelah mempertimbangkan perubahan sosial ekonomi yang terjadi. Oleh itu, konsep zakat pendapatan yang merangkumi persyaratan haul, nisab dan kadarnya terjadi perbezaan pandangan dikalangan mereka yang mewajibkan zakat itu. perkara ini memberi pengaruh pada perbezaan pelaksanaan pengutipan zakat pendapatan disuatu tempat atau suatu lembaga zakat dengan yang lainnya.

Yang ingin dikemukakan disini adalah bagaimana konsep zakat pendapatan diterapkan di lembaga-lembaga zakat Aceh, apakah persyaratan haul, nisab dan kadar zakat pendapatan diterapkan seragam di antara satu lembaga dengan lembaga lainnya

²⁰ Fatwa Majlis Permusyawaratan Ulama Provinsi Aceh (MPU-NAD), No.1/1998. Tentang penetapan nisab zakat gaji/jasa/profesi di Aceh.

ataupun tidak. Dalam penghuraianya, kami akan menjelaskan penerapan ketiga konsep tersebut di tiap-tiap lembaga zakat iaitu Baitul Mal, Rumah Zakat Aceh dan lembaga zakat Pos Keadilan Peduli Umat (PKPU).

3.5.1. Penerapan Konsep Haul Zakat Pendapatan.

Persyaratan haul keatas zakat pendapatan tidak diterapkan sama di lembaga-lembaga zakat Aceh. Ada lembaga yang mensyaratkannya dan ada yang sebaliknya, dan ada juga yang memberikan kebebasan kepada muzakki untuk menentukan apakah dia menggunakan haul ataupun tidak. Kajian ini akan menjelaskan bagaimana perkara ini diterapkan di tiga lembaga yang telah kita pilih iaitu Baitul Mal Aceh, Rumah Zakat Aceh (RZA) dan Pos Keadilan Peduli Umat (PKPU).

Namun sebelumnya perlu dijelaskan bahawa Baitul Mal selaku lembaga zakat rasmi pemerintah memiliki kekuatan hukum di dalam pengutipan zakat pendapatan. Muzakki zakat pendapatan di Baitul Mal juga tetap dan sudah tertentu bahagi zakat yang berbentuk gaji, iaitu mereka yang berkerja di jabatan-jabatan dibawah naungan pemerintah. Oleh yang demikian, Baitul Mal memiliki kaedah khusus dan seragam di dalam pengutipannya. Berbeza halnya dengan Rumah Zakat Aceh dan Pos Keadilan Peduli Umat sebagai lembaga zakat swasta yang tidak memiliki kekuatan hukum. Hal ini membuat kedua lembaga ini harus bekerja lebih keras dan inovatif dalam usaha menarik para muzakki yang bekerja disektor swasta untuk mengeluarkan zakatnya. Keadaan ini berdampak pada kaedah pengutipan zakat yang dijalankan. Perbincangan mengenai pengutipan zakat akan berkait rapat dengan bagaimana persyaratan haul dilaksanakan. Apakah dengan mengambil kira haul, dan itu bermakna pengutipannya adalah secara

tahunan atautah tanpa mengambil kira haul dan itu bermakna pengutipannya secara bulanan. Atau pengutipannya secara bulanan tetapi tetap mempertimbangkan haul dalam erti kata lain apabila pendapatan dijangkakan mencapai nisab setelah setahun haul maka akan dikutip zakatnya secara bulanan.

Di Baitul Mal Aceh, pengutipan zakat pendapatan dilakukan secara bulanan. Tapi ini tidak bermakna Baitul Mal tidak melaksanakan syarat haul. Nisab zakat pendapatan yang dijalankan adalah 94 gram emas. Maka apabila pendapatan setahun dijangkakan mencapai jumlah itu maka zakat telah boleh dikutip dari harta tersebut, namun pengutipannya dilakukan secara bulanan untuk memudahkan pentadbiran dan mencegah dari muzakki yang mengelak dari kewajipan mengeluarkan zakat.²¹

Berbeza dengan Rumah Zakat Aceh (RZI) dan Pos Keadilan Peduli Umat (PKPU), pada prinsipnya kedua lembaga zakat ini mengikut pendapat Yusuf Qaradāwī iaitu tidak mensyaratkan haul terhadap zakat pendapatan. Namun dalam perlaksanaannya, kedua lembaga ini memberikan kebebasan kepada para muzakki untuk memilih antara menggunakan haul ataupun tidak.²² Kebebasan memilih ini diberikan kerana kebanyakan muzakki yang menyerahkan zakatnya pada kedua lembaga zakat ini adalah mereka yang berkerja pada sektor swasta yang membayar zakat atas kesedaran sendiri. Ada sebahagian mereka memahami dan meyakini konsep pengiraan zakat pendapatan tanpa haul sehingga menyerahkan zakatnya sebaik sahaja pendapatan itu diterima. Dan ada juga sebahagiannya memahami bahawa haul merupakan suatu syarat di dalam zakat

²¹ Marthin Desky (Kepala Baitul Mal Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 6 Jun 2011.

²² Riadhi, (Maneger Rumah Zakat cawangan Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2013 perkara yang sama juga disampaikan oleh Rohandi (Maneger Pos Keadilan Peduli Umat cawangan Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2013.

pendapatan, sehingga mereka mengeluarkan zakatnya tahunan. Namun demikian lembaga zakat tetap berusaha memberikan pemahaman agar zakatnya dikeluarkan sebaik sahaja pendapatan itu diterima, hal ini untuk memudahkan pengutipan dan tidak memberatkan muzakki yang mengeluarkan zakat tahunan dalam jumlah yang besar.

Perlaksanaan konsep persyaratan haul di lembaga-lembaga di atas dapat kita simpulkan bahawa terdapat perbezaan konsep yang diterima pakai di antara Baitul Mal dengan Rumah Zakat Aceh dan Pos Keadilan Peduli Umat. Baitul Mal mempertimbangkan haul sebelum memutuskan suatu pendapatan telah mencapai wajib zakat ataupun tidak, walaupun pengutipannya dilaksanakan bulanan. Sementara Rumah Zakat Aceh dan Pos Keadilan Peduli Umat lebih memihak kepada pendapat yang tidak mensyaratkan haul walaupun dalam pelaksanaannya tetap memberikan kebebasan memilih kepada muzakki di antara menggunakan haul ataupun tidak. Perbezaan ini disebabkan oleh adanya muzakki swasta dan kakitangan pemerintah. Di mana, bahagi muzakki daripada kakitangan pemerintah Baitul Mal memiliki kuasa hukum untuk memotong zakat dari gajinya, oleh itu, ianya lebih mudah apabila pengutipannya dilaksanakan secara bulanan. Namun bahagi muzakki swasta sangat sukar memaksa mereka untuk mengikuti kehendak lembaga zakat, sehingga lembaga zakat memberikan kebebasan kepada mereka untuk memilih di antara menggunakan haul ataupun tidak, walaupun sebenarnya apa yang dilakukan oleh lembaga zakat adalah untuk memudahkan muzakki dan lembaga zakat di dalam pengutipan zakat.

3.5.2. Penerapan Nisab dan Kadar Zakat Pendapatan

Nisab dan kadar telah diterima sebagai syarat di dalam perakaunan zakat pendapatan. Dasar itu diwujudkan bertujuan untuk membezakan seseorang itu tergolong kaya atau miskin. Kerana zakat hanya dibebankan kepada orang-orang kaya yang memiliki harta lebih ('Afw) seperti yang dijelaskan dalam al-Qur'an sebagai sasaran zakat. Namun terdapat banyak pendapat di dalam penentuan nisab dan kadarnya. Ada pendapat yang menyatakan 85 gram emas dengan kadar sebesar 2.5% dikiaskan kepada zakat emas. Ada juga pendapat yang menyatakan nisabnya 5 *wasaq* (50 kail/653) dengan kadar 5-10% dikiaskan kepada zakat pertanian. Sebahagian yang lain membezakan jenis penghasilan, jika penghasilan berbentuk penggajian maka dikiaskan kepada zakat emas dengan nisab 85 gram emas dengan kadar 2.5%, sementara jika penghasilan berupa pendapatan bebas maka dikiaskan kepada zakat pertanian dengan nisab 5 *wasaq* dan kadarnya berkisar di antara 5 atau 10%. Dan ada juga yang mengkiaskan zakat pendapatan kepada zakat rikaz jika pendapatannya berupa bonus, hadiah dan lainnya dengan tidak menentukan nisab tertentu dengan kadar 10%. Kesemua pendapat ini telah kita bincangkan pada bahagian konsep nisab dan kadar zakat pendapatan.

Yang ingin dijelaskan disini adalah bagaimana konsep nisab dan kadar zakat pendapatan tersebut diterapkan di lembaga-lembaga zakat yang ada di Aceh. Berapakah nisab dan kadar tersebut ditentukan dari banyaknya pendapat yang ada? Adakah ia dikira berdasarkan hasil pertanian, atau berdasarkan emas dan perak atau rikaz. Kemudian adakah ia ditaksir daripada pendapatan kasar atau pendapatan bersih? Dan terakhir apakah nisab dan kadar zakat ini diterapkan seragam disemua lembaga zakat tersebut.

Untuk itu, akan dijelaskan bagaimana penerapan konsep ini di lembaga-lembaga zakat tersebut secara terperinci.

Baitul Mal Aceh mengkiaskan zakat pendapatan dengan zakat emas. Maka lazim nisabnya adalah 85 gram. Namun Baitul Mal tidak menetapkan nisab dengan jumlah itu, melainkan 94 gram emas.²³ Pertambahan dari 85% menjadi 94% tentu memiliki alasan yang kukuh seperti yang telah dijelaskan sebelum daripada ini. Sementara Rumah Zakat Aceh mengkiaskan kepada zakat pertanian dengan nisab 5 *wasaq* (50 kail/653) dengan kadar 5%.²⁴ Pos Keadilan Peduli Umat pula menetapkan 85 gram emas sebagai nisab dengan kadar 2.5%.²⁵ Dengan demikian penentuan nisab dan kadar zakat pendapatan di ketiga lembaga zakat tidak seragam, ada yang mengkiaskannya kepada zakat emas, iaitu dengan nisab 85 gram emas dan dengan kadar 2.5%. dan ada juga yang mengkiaskan kepada zakat pertanian dengan nisab 5 *wasaq* dan kadarnya 5%. Sementara Baitul Mal juga mengkiaskan kepada zakat emas namun menetapkan 94 gram emas sebagai nisabnya.

Selanjutnya bagaimanakah penerapan penentuan nisab tersebut keatas suatu harta. Apakah nisab dikira daripada pendapatan bersih? Atau ada tolakan-tolakan tertentu daripada nisab? Atau apakah bebanan hutang termasuk kiraan nisab? Bagaimanakah perkara-perkara ini dilaksanakan di lembaga-lembaga zakat di Aceh? Dalam hal ini ketiga lembaga zakat menerapkan sama iaitu zakat diambil daripada pendapatan kasar

²³ Marthin Desky (Kepala Baitul Mal Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 6 Jun 2011.

²⁴ Riadhi, (Maneger Rumah Zakat cawangan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2013.

²⁵ Rohandi (Maneger Pos Keadilan Peduli Umat cawangan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2013.

tanpa adanya tolakan-tolakan tertentu.²⁶ Hanya sahaja Rumah Zakat Aceh dan Pos Keadilan Peduli Umat memberikan kebebasan kepada muzakki untuk memilih apakah dikira daripada pendapatan bersih ataupun kasar. Dan item-item tolakan daripada nisab tersebut juga diserahkan kepada muzakki itu sendiri.

3.5.3. Asas 94 gram emas sebagai nisab zakat pendapatan.

Seperti telah dibincangkan di atas bahawa nisab zakat pendapatan di Aceh dikiaskan kepada zakat emas. Berapa nisab zakat emas maka seperti itu juga nisab zakat pendapatan. Rasulullah SAW telah menetapkan nisab zakat emas sebesar 20 *mitsqal* atau 20 dinar. Dalilnya adalah riwayat dari Ali bin Abi Thalib r.a. bahwa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang artinya:

“Apabila kamu memiliki 200 dirham yang telah mencapai masa haul, zakat yang wajib dikeluarkan darinya adalah 5 dirham. Kamu tidak berkewajipan apapun dalam emas, kecuali kamu mempunyai 20 dinar. Apabila kamu mempunyai 20 dinar yang telah mencapai haul, zakat yang wajib dikeluarkan darinya adalah 0,5 dinar (HR Abu Daud dan Baihaqi).²⁷

Banyak perbezaan pendapat mengenai 20 *mitsqal* atau 20 dinar tersebut setara dengan berapa gram emas, ada ulama yang menyatakan 96 gram emas, 94, 93, 91, 85 bahkan ada yang 70 gram emas. Menurut Yusuf Qaradāwī, yang sekarang banyak dianut oleh masyarakat, 20 *mistqal* adalah sama dengan 85 gram emas.²⁸ Perbezaan ini terjadi, disebabkan wujudnya variasi kepada kualiti emas berdasarkan campuran logam lain ke

²⁶ Marthin Desky (Kepala Baitul Mal Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 6 Jun 2011. Hal yang sama juga disampaikan oleh Riadhi, (Maneger Rumah Zakat cawangan Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2013. Begitu juga pendapat Rohandi (Maneger Pos Keadilan Peduli Umat cawangan Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2013.

²⁷ Dikeluarkan oleh Abū Dāwūd dalam Sunan-nya juz 2 no. 1573, Ibn Mājah dalam Sunan-nya juz 1 no. 1790, serta dihasankan oleh Syaikh Al-Albanī.

²⁸ Yusuf al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah li ahkāmīha wa falsafatiha fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2003), 1:300.

dalamnya. Misalnya terdapat emas tulen (99.99 peratus emas), emas 24 karat (97 - 98 peratus), emas 23 karat (96.5 peratus), emas 22 karat (91.6 peratus), emas 18 karat (75 peratus) dan emas 14 karat pula 58.5 peratus. Ada juga emas dinamakan emas 999, emas 950 dan emas 916 berdasarkan mutunya. Perbezaan kualiti emas ini menyebabkan berbeza harga. Maka, harga-harga itulah yang digunapakai oleh pihak berkuasa agama bahagi sandaran nisab zakat di tempat mereka.

Di Aceh, mengikut fatwa Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh telah memfatwakan bahawa nisab zakat emas adalah 94 gram emas. Hal ini setelah penelitian yang mendalam terhadap purata kandungan nilai dan kualiti emas yang beredar di Aceh.²⁹ Maka 94 gram emas merupakan jumlah yang tepat bahagi nisab emas. Fatwa ini telah di kuatkuasakan melalui kanun Provinsi Aceh nomor 7 tahun 2004 tentang pengelolaan zakat yang telah menetapkan 94 gram sebagai nisab zakat emas.³⁰ Hal yang sama juga termuat dalam kanun Aceh nomor 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal.³¹ Jadi jumlah inilah yang telah dilaksanakan di lembaga zakat Baitul Mal Aceh bahagi zakat emas dan zakat lain yang dianalogikan kepadanya termasuk zakat pendapatan dan lainnya. Namun tidak demikian dengan Rumah Zakat Aceh dan lembaga zakat Pos Keadilan Peduli Umat (PKPU).

²⁹ Fatwa Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU) Provinsi Aceh, no. 1 tahun 1998, tentang penetapan nisab zakat emas dan zakat lain yang di kiaskan kepadanya.

³⁰ Kanun Provinsi Aceh Nomor 7 tahun 2004 tentang pengelolaan zakat, yang termuat dalam bab IX tentang kadar, nisab dan haul pada fasal 29.

³¹ Kanun Aceh nomor 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal, yang termuat dalam Bab IV tentang zakat bahagian ke-satu kewajipan zakat fasal 19 ayat 1.

3.6. Mekanisme Pengutipan Zakat Pendapatan.

Sekilas telah dijelaskan sebelum ini bahawa pengutipan zakat pendapatan dilakukan secara bulanan di semua lembaga zakat. Walaupun ada lembaga yang mempertimbangkan haul untuk menentukan tercapainya nisab terhadap suatu pendapatan ataupun yang tidak mempertimbangkannya. Dan telah dijelaskan pula bahawa muzakki terbahagi kepada dua, iaitu muzakki yang bekerja pada sektor swasta dan muzakki kaki tangan kerajaan. Kedua bentuk muzakki ini perlu dijelaskan secara berasingan kerana terdapat perbezaan cara pengutipan zakat di antara keduanya.

Kebanyakan muzakki swasta menyalurkan zakat pendapatannya kepada Rumah Zakat Aceh atau Pos Keadilan Peduli Umat, manakala muzakki yang bekerja sebagai kaki tangan kerajaan menyalurkan zakatnya kepada Baitul Mal melalui skim pemotongan gaji. Walaupun demikian tidak menutup kemungkinan adanya sebahagian kecil muzakki swasta yang menyalurkan zakatnya kepada Baitul Mal. Disini akan dijelaskan bagaimanakah pengutipan tersebut dijalankan di Baitul Mal, Rumah Zakat Aceh dan Pos Keadilan Peduli Umat.

3.6.1. Zakat dikutip dari Pendapatan Kasar

Menurut Bapak Marthin Desky kepala Baitul Mal Provinsi Aceh, Beliau menyatakan jika pendapatan telah mencapai nisab 94 gram emas dalam setahun, atau mencapai nisab itu dengan mengabungkan dengan pendapatan sampingan lainnya maka telah wajib dikeluarkan zakat dengan kadar 2.5%. Pengutipannya dilakukan secara bulanan daripada

pendapatan kasar.³² Belum terdapat tolakan-tolakan tertentu untuk menentukan pendapatan bersih seperti tolakan untuk isteri, anak, orang tua, keperluan diri, hutang dan lain sebagainya. Ketentuan ini berlaku sama di antara muzakki yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan yang tertakluk pada skim pemotongan gaji ataupun terhadap muzakki swasta yang menyerahkan zakatnya sendiri atau melalui Unit Pengumpul Zakat (UPZ).³³

Pengutipan dari pendapatan kasar juga berlaku pada Rumah Zakat Aceh dan Pos Keadilan Peduli Umat. Namun kerana kebanyakan muzakki yang menyalurkan zakatnya berasal dari pihak swasta terkadang telah melakukan tolakan-tolakan sendiri sebelum zakat itu dikeluarkan, namun kebanyakannya mereka mengeluarkan dari pendapatan kotor.³⁴ Di antara alasan kenapa pengutipannya daripada pendapatan kasar adalah belum terdapat standar-standar tolakan yang telah dirumuskan oleh mana-mana pihak atau suatu lembaga zakat atau dalam suatu bentuk kajian perorangan. Dan ditakutkan jika zakat dikutip dari pendapatan bersih maka tidak seorangpun dapat mengeluarkan zakat. Kemudian kerana kadar zakat ini ditetapkan dalam jumlah yang sedikit iaitu 2.5% sahaja.³⁵

³² Pengutipan secara bulanan ini termuat di dalam Kanun Aceh nomor 10 tahun 2007 pada fasal 19 ayat 3 yang menyatakan bahawa: Pembayaran zakat pendapatan/jasa sebagaimana dimaksud pada ayat (1) huruf g dapat dicicil setiap bulan pada saat menerima pendapatan/jasa, apabila jumlah pendapatan/jasa yang diterima setiap bulan telah mencapai 1/12 dari 94 gram emas atau dibulatkan menjadi 7,84 gram emas.

³³ Drs. Marthin Desky (Kepala Baitul Mal Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 6 Jun 2011. lihat juga Kamaruddin Abdullah, "Model Pungutan Zakat: Kajian Perbandingan di Provinsi Aceh Dan Selangor Darul Ehsan" (Disertasi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2011), 58.

³⁴ Riadhi, (Maneger Rumah Zakat cawangan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2013. perkara yang sama juga disampaikan oleh Rohandi (Maneger Pos Keadilan Peduli Umat cawangan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2013.

³⁵ Sebahagian fuqaha mengkiaskan (analogi) zakat ini kepada zakat pertanian, maka kadarnya adalah 5-10%. Namun dalam kes kadar zakat ini mereka tidak menetapkan 5% atau 10% melainkan 2.5%. hal ini kerana pengutipan zakat tersebut dari pendapatan kasar.

3.6.2 Mekanisme Pengutipan Zakat Pendapatan Di Baitul Mal

Mekanisme pengutipan zakat pendapatan di Aceh adalah mengikut perundang-undangan yang telah diatur melalui kanun Aceh nomor 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal. Dalam kanun tersebut telah menetapkan bahawa pengutipan zakat pendapatan dilakukan melalui tempat muzakki bekerja.³⁶ Baitul Mal telah menetapkan sistem pemotongan gaji yang dilakukan secara bulanan. Untuk menjayakan sistem itu Baitul Mal membentuk UPZ (Unit Pengumpul Zakat) pada setiap dinas/institusi pemerintahan. Pada saat ini terdapat 113 UPZ, dan yang telah dikukuhkan berjumlah 107 unit sementara 6 unit lagi belum dikukuhkan.³⁷ Dengan demikian penyerahan zakat setiap pegawai pertama kali adalah melalui UPZ yang kemudian diserahkan kepada Baitul Mal. UPZ tidak mendapat kebenaran di dalam penyaluran zakat. Tugasnya hanya mengumpulkan zakat sahaja. Undang-undang telah menetapkan juga tindakan yang akan diambil bahagi mana-mana dinas/intansi yang tidak mengeluarkan zakat.

Mekanisme pengutipan ini dilihat sangat efektif dilakukan bahagi pegawai pemerintahan. Kemudahan ini kerana terdapat data yang lengkap mengenai kepegawaian dan jumlah pendapatan mereka, sehingga bahagi pengiraan harta yang telah mencapai nisab mudah diketahui dan langsung dipotong dari jumlah gaji/pendapatan tersebut. Sementara bahagi institusi swasta, hasil sewa rumah/pertokoan atau pada bentuk apa jua yang tertakluk kepada zakat pendapatan, tidak semua UPZ dapat dikukuhkan pada institusi tersebut dan pendaataannyapun tidak dimiliki sepenuhnya oleh Baitul Mal. Hal ini menjadi kendala bahagi pengutipan zakatnya. Oleh yang demikian, pembayaran zakatnya

³⁶ Kanun Aceh, Nomor 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal, Bahagian Kedua Pengelolaan Zakat Kabupaten/Bandar Fasal 25

³⁷Laporan Baitul Mal Aceh tahun 2008.

bergantung pada kesadaran individu. Terkadang di antara mereka ada yang menyerahkan zakatnya kepada Baitul Mal secara pribadi dan sebahagian lainnya menyerahkan kepada lembaga zakat swasta seperti Rumah Zakat Aceh atau Pos Keadilan Peduli Umat (PKPU). Tidak kurang juga yang menyerahkannya langsung kepada asnaf tanpa melalui lembaga zakat, dan juga banyak di antara mereka yang tidak mengeluarkan zakatnya langsung, padahal apabila dilihat dari jumlah pendapatannya telah mencapai nisab untuk dikeluarkan zakat.³⁸

Terdapat tiga mekanisme yang telah diterapkan oleh Baitul Mal di dalam pengutipan zakat pendapatan. Pertama adalah zakat itu dihantar ke Baitul Mal oleh muzakki sendiri. Kedua penyerahan melalui akaun Baitul Mal. Dan yang terakhir zakat itu di ambil ke alamat para muzakki oleh amil zakat.³⁹ Sebagai contoh pengutipan zakat pendapatan di Baitul Mal iaitu apabila dianggarkan 1 gram emas sama dengan Rp. 330,000.- maka 94 gram emas adalah Rp. 31,020,000.- maka apabila seseorang pegawai/kakitangan yang pendapatannya telah mencapai jumlah di atas maka telah mencapai nisab dan wajib mengeluarkan zakat.⁴⁰ En. Faisal adalah seorang kakitangan di sebuah institusi pemerintah di Aceh. Beliau memiliki seorang isteri dan dua orang anak. Penghasilan tetap pada setiap bulan adalah Rp. 3,000,000.-, sesuai dengan haulnya satu tahun maka jumlah tersebut didarap 12 bulan maka $12 \times \text{Rp. } 3,000,000.- = \text{Rp. } 36,000,000.-$ sesuai dengan anggapan di atas maka jumlah ini telah mencapai nisab. Oleh itu, En. Faisal berkewajipan membayar zakat sebanyak $2.5\% \times \text{Rp. } 36,000,000.- = \text{Rp. } 900,000.-$ Jumlah Rp.900.000.- ini dikutip secara bulanan maka jumlahnya adalah Rp. 75,000 sahaja.

³⁸ Drs. Marthin Desky (Kepala Baitul Mal Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 6 Jun 2011

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Terjadi fluktuasi harga emas di Aceh, contoh ini dilakukan berdasarkan harga emas murni pada jun 2011.

3.6.2. Mekanisme Pengutipan Zakat Pendapatan Di Rumah Zakat Aceh Dan Pos Keadilan Peduli Umat.

Mekanisme pengutipan pada kedua lembaga zakat swasta ini adalah sama, Oleh sebab itu perbahasan mengenainya akan kami gabungkan sekali. PKPU telah menetapkan bahawa nisab zakat pendapatan ialah 85 gram emas sementara Rumah Zakat 5 *wasaaq* (50 kail/653) dengan kadar yang sama iaitu 2.5% dan tidak mengikut setahun haul. Pengutipannya dilakukan secara bulanan daripada pendapatan kasar.⁴¹ Muzakki yang menyalurkan zakat kepada kedua lembaga ini kebanyakannya adalah dari pihak swasta. Dalam usaha pengumpulan zakat ada dua pendekatan yang dilakukan, iaitu menunggu muzakki datang menyerahkan zakatnya ataupun pihak lembaga yang datang kepada institusi-institusi swasta dan menawarkan diri sebagai penampung zakat bahagi setiap pegawai-pegawainya. Ada kalanya pihak institusi menyerahkan zakatnya secara permanen kepada lembaga secara berterusan.

Untuk menambah kepercayaan masyarakat dan menarik minat muzakki menyalurkan zakatnya kepada lembaga zakat, maka akuntabeliti dan keterbukaan (*tranparansi*) dana adalah menjadi kunci keberhasilan. Berbagai sistem dan program penyaluran zakat yang tepat guna telah diwujudkan untuk itu. Di samping itu juga, sosialisasi mengenai zakat pendapatan terus dikakukan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kewajipan zakat ini.⁴²

⁴¹ Walaupun 85 gram emas, tidak mengikut haul dan dikira dari pendapatan kasar telah menjadi pegangan lembaga zakat, namun pihak lembaga juga memberikan kebebasan kepada muzakki untuk memilih apakah nisabnya dikira 94 gram emas sesuai dengan ketetapan MPU (Majlis Permusyawaratan Ulama), dan dipotong daripada pendapatan bersih. Biasanya seperti ini berlaku bahagi muzakki yang datang sendiri menyerahkan zakatnya kepihak lembaga.

⁴² Riyadi (Pengerusi Rumah Zakat Aceh cawangan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2013. Hal yang sama juga disampaikan oleh Rohandi (Maneger Pos Keadilan Peduli Umat, cawangan Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2013.

3.7. Kesimpulan

Ada beberapa perkara penting yang dapat disimpulkan dari huraian di atas. Yang *pertama* adalah berkaitan pernyataan fatwa majlis ulama tempatan dan perundangan yang telah mengiktiraf gaji dan pendapatan ahli profesional sebagai salah satu sumber zakat. Pengiktirafan ini sangat penting mengingat banyak kalangan di Aceh yang masih mempertikaikan kewajipan zakat ini. Dengan adanya pengiktirafan ini juga diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dan keyakinan masyarakat terhadap pelaksanaan zakat pendapatan.

Yang *kedua* berkaitan wujudnya multi-lembaga zakat di dalam pentadbiran zakat pendapatan di Aceh. Secara amnya dapat dikategorikan menjadi dua, iaitu lembaga zakat rasmi pemerintahan dan lembaga zakat swasta. Lembaga zakat rasmi pemerintah hanya Baitul Mal, sementara terdapat beberapa lembaga zakat swasta seperti Rumah Zakat Aceh dan Pos Keadilan Peduli Umat. Kewujudan multi-lembaga zakat ini ada sisi positif dan negatifnya. Mengingat Baitul Mal selama ini lebih tertumpu kepada pengutipan zakat daripada kakitangan kerajaan, maka kewujudan lembaga zakat swasta telah mampu menarik minat muzakki dari kalangan swasta. Ini harus diakui oleh berbagai pihak sebagai sisi positif dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh lembaga zakat swasta. Namun demikian, multi-lembaga zakat juga telah menyebabkan permasalahan didalam pengutipan zakat pendapatan disebabkan ketidak seragaman penerapan konsep-konsep zakat tersebut seperti ketentuan nisab, penerimaan terhadap persyaratan haul dan perbezaan mekanisme pengutipan zakat, di samping itu juga belum wujud hubungan yang bersifat koordinasi, kolerasi dan saling memberi informasi dikalangan mereka sehingga

wujud suatu pendataan yang tersusun rapi dan terhindar dari penindihan penyaluran zakat dikalangan masyarakat.

Ketidakteragaman pelaksanaan konsep zakat pendapatan juga akan menimbulkan kekeliruan dikalangan masyarakat, khususnya berkaitan nisab 94 gram emas terhadap zakat pendapatan. hal ini kerana undang-undang dan fatwa di Aceh telah menetapkan nisab tersebut. Jadi alangkah indahnya kalau nisab ini diterapkan sama disemua lembaga zakat kerana nisab tersebut diukur dengan nilai emas tempat tersebut. Di samping itu juga disebabkan mereka berada pada area yang sama. Oleh sebab itu, isu-isu pelaksanaan zakat ini akan dijelaskan pada bab berikut ini.